

**Nik Aziz pula campur tangan redakan ulama dan bukan ulama dalam PAS**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 6 , 2013**

Selepas Presiden, Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (gambar) pula bersuara untuk menghentikan kerenggan dalam PAS antara ulama dan profesional dalam PAS.

Ketika berucap merasmikan Muktamar Dewan Muslimat PAS Kelantan, Nik Aziz berkata, sejak zaman Khulafah Ar Rashidin lagi ulama dan profesional berganding erat memacu pentadbiran kerajaan Islam bagi meneruskan kesinambungan pemerintahan diasaskan baginda Rasulullah SAW, lapor media rasmi parti itu, Harakahdaily.

"Islam sejak awal lagi satukan ulama dan profesional dalam sebuah pentadbiran. Cuma sekarang ada pihak yang cuba hendak pisahkan ulama dan profesional dengan mewujudkan entiti yang berasingan," kata Nik Aziz.

Sebelum ini, Datuk Seri Abdul Hadi Awang masuk campur bagi meredakan jurang antara ulama dan profesional menjelang pemilihan PAS pada muktamar ke-59 November ini.

Sumber memberitahu The Malaysian Insider, Presiden PAS itu berjaya meredakan sebahagian ketegangan itu dalam Liqa' Fikri (pertemuan pemikiran) Sabtu minggu lalu dengan menasihati perwakilan yang akan bertanding supaya menjauhkan sebarang kempen yang boleh menjejaskan perpaduan parti Islam itu.

"Semasa mesyuarat minggu lepas itu, Presiden menasihati pemimpin dan mereka yang bertanding supaya tiada unsur luaran mengganggu-gugat parti dalam pemilihan kali ini," kata sumber selepas menghadiri pertemuan tersebut.

"Unsur luaran tersebut seperti isu Syiah bukan Syiah, isu perbezaan ulama dan profesional, ini antara isu luaran yang mungkin akan menjejaskan parti," kata Abdul Hadi.

PAS secara nyata mula kelihatan renggang apabila Dewan Ulama PAS melalui Multaqa Ulama Se-Malaysiannya di Alor Setar mencadangkan agar ahli PAS melantik ulama untuk kedua-dua jawatan penting PAS iaitu presiden dan timbalannya serta sebahagian jawatan naib presiden.

Saranan ini menimbulkan kurang senang kepada pimpinan parti yang bukan ulama kerana timbalan presiden dan ketiga-tiga penyandang jawatan naib presiden PAS sekarang bukan di kalangan ulama.

Nik Aziz menyifatkan, ada usaha daripada pihak tertentu yang cuba untuk memecahkan kesatuan dalam PAS.

"Maka tidak peliklah sekarang usaha-usaha berterusan dilakukan bagi memisahkan ulama dan profesional. Sengaja mereka hendak pecah-pecahkan PAS kepada dua kelompok," katanya ketika merasmikan Muktamar Dewan Muslimat PAS Kelantan di Markas Dewan Ulama di Labok semalam.

Dalam mesyuarat itu, Dewan Muslimat PAS Kelantan mencatat sejarah apabila tiada pertandingan sebarang jawatan termasuk 10 anggota jawatankuasanya.

Siti Zailah Yusof kekal sebagai ketua, Wan Ubaidah Omar (timbangan) dan Rohani Ibrahim (Naib Ketua), manakala 10 anggota jawatankuasa yang dikekalkan iaitu Zainiah Abdul Halim, Arniwati Sabirin, Ahlaami Abdul Halim, Hafizah Abdullah, Khairiah Mohamad.

Selain itu, Norhashimah Deraman, Ilvira Dasuki, Mumtaz Mohd Nawawi, Dr Roselisa Muhamad dan Zaharah Mohamad.

Keputusan itu diumumkan Bendahari PAS Machang, Zakaria Yaakub yang bertindak sebagai ketua jawatankuasa pemilih. – 6 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

[http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nik-aziz-pula-campur-tangan-redakan-  
ulama-dan-bukan-ulama-dalam-pas](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nik-aziz-pula-campur-tangan-redakan-ulama-dan-bukan-ulama-dalam-pas)